

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pusat Pengajian Undang-Undang
Sent: Thursday, April 20, 2017 11:51 AM
To: UUM - All Staff
Cc: Haslida Binti Ismail
Subject: BENGKEL PENERBITAN BUKU BERASASKAN PENYELIDIKAN



PUSAT PENGAJIAN UNDANG-UNDANG
SCHOOL OF LAW
Universiti Utara Malaysia

20 APRIL 2017 / 23 REJAB 1438H

=====
"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Tuan/Puan



SoL Online: Jawatankuasa Penerbitan di bawah Pusat Pengajian Undang-undang (SoL) telah mengadakan Bengkel Penulisan dan Penerbitan Buku Berasaskan Penyelidikan pada 18 April 2017. Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk memberi taklimat mengenai hal-hal berkaitan penerbitan buku.

Bengkel sehari itu telah menjemput Puan Rosma Ishak, Pegawai Penerbitan dari UUM Press untuk berkongsi pengetahuan dan memberi tunjuk ajar kepada para pensyarah di Pusat Pengajian Undang-undang tentang bagaimana untuk menerbitkan buku melalui penyelidikan. Beliau berkata bahawa bahan penyelidikan pusat Pengajian Undang-undang bukan sahaja menarik jika diterbitkan ke dalam buku malahan dapat memberikan manfaat kepada para pelajar serta orang awam.

Dengan adanya bengkel ini, diharap para pensyarah dapat menimba ilmu pengetahuan mengenai penerbitan buku dan seterusnya dapat meningkatkan penerbitan buku berasaskan penyelidikan bagi Pusat Pengajian Undang-undang.

Pengerusi Jawatankuasa Penerbitan Dr. Mohammad Azam Hussain mengucapkan ribuan terima kasih kepada penceramah jemputan yang sudi meluangkan masa berkongsi ilmu dan juga kepada para pensyarah yang hadir memberikan komitmen dalam bengkel tersebut.

Sekian.

Pejabat Dekan (Dean Office)
Pusat Pengajian Undang-Undang (School of Law)
UUM College of Law, Government & International Studies (UUM COLGIS)
Universiti Utara Malaysia | 06010 UUM Sintok, Kedah | Malaysia
Tel : 04-9288101 | Faks: 04-9288107 | Email : sol@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.